NEGERI KEDAH DARUL AMAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

| Jil. 51<br>No. 7 | **27hb Mac 2008** | *TAMBAHAN No. 2*<br>*ENAKMEN* |
|---|---|---|

Enakmen-enakmen ini yang diluluskan di dalam Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman pada 18 November 2007 diisytiharkan untuk pengetahuan am:

The following Enactments passed in the Kedah Darul Aman State Legislative Assembly, on the 18 November 2007 are published for general information:


| Enakmen No. | Nama | Muka Surat |
|---|---|---|
| 6. | Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008 | 273 |
| | Mufti and Fatwa (Kedah Darul Aman) Enactment 2008 | 289 |
| 7. | Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008 | 305 |
| | Islamic Family Law (Kedah Darul Aman) Enactment 2008 | 393 |
| 8. | Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008 | 473 |
| | Syariah Courts (Kedah Darul Aman) Enactment 2008 | 497 |

# ENAKMEN MUFTI DAN FATWA
# (KEDAH DARUL AMAN) 2008

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan mula berkuat kuasa
2. Tafsiran
3. Memelihara hak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan

BAHAGIAN II

MUFTI

4. Mufti
5. Perlantikan Mufti dan Timbalan Mufti
6. Penamatan dan pembatalan perlantikan Mufti dan Timbalan Mufti
7. Fungsi Mufti
8. Kuasa Mufti
9. Permohonan izin jika Mufti berada di luar Malaysia

BAHAGIAN III

JAWATANKUASA FATWA

10. Jawatankuasa Fatwa
11. Keahlian Jawatankuasa Fatwa
12. Notis jika Ahli Jawatankuasa Fatwa berada di luar Malaysia
13. Setiausaha
14. Tatacara perjalanan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa
15. Minit
16. Tempoh perlantikan dan lantikan semula

Seksyen

17. Saraan

18. Penamatan, pemberhentian atau pembatalan

19. Kuasa Jawatankuasa Fatwa untuk mengeluarkan fatwa

20. Korum

21. Tatacara mengeluarkan fatwa

22. Fatwa adalah mengikat

23. Pindaan atau pembatalan fatwa

24. Fatwa yang ada hubungan dengan kepentingan nasional

25. Meminta pendapat daripada Jawatankuasa Fatwa

26. *Qaul muktamad* hendaklah diikuti

BAHAGIAN IV

AM

27. Kuasa membuat kaedah

28. Kuasa melantik Jawatankuasa Kecil

29. Kecualian dan peralihan

JADUAL

**KEDAH DARUL AMAN**

# ENAKMEN No. 6 tahun 2008

BETA SETUJU,

(MOHOR KERAJAAN)

TUANKU ABDUL
HALIM AL-HAJ
*Sultan Negeri Kedah Darul Aman*

13 Safar 1429
20 Februari 2008

Suatu Enakmen bagi mengadakan peruntukan tentang Mufti dan Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Darul Aman, untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[ ]

**MAKA DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI** oleh Majlis Undangan Negeri Kedah Darul Aman seperti berikut:

## BAHAGIAN I

PERMULAAN

### Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

**1.** (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008.

(2) Enakmen ini hendaklah berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui pemberitahuan dalam W*arta*.

**Tafsiran**

**2.** (1) Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"Ahli Jawatankuasa Fatwa" ertinya ahli-ahli yang dilantik di bawah seksyen 11;

"Enakmen terdahulu" ertinya Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Kedah 1962 [*Enakmen No. 9 Tahun 1962*];

"fatwa" ertinya fatwa yang dikeluarkan di bawah seksyen 8 atau 19;

"Hukum Syarak" ertinya Hukum Syarak mengikut Mazhab Syafie atau mengikut mana-mana satu Mazhab Hanafi, Maliki atau Hambali;

"Jabatan" ertinya Jabatan Mufti Negeri Kedah Darul Aman;

"Jawatankuasa Fatwa" ertinya Jawatankuasa Fatwa yang ditubuhkan di bawah seksyen 10;

"Majlis" ertinya Majlis Agama Islam Negeri Kedah yang ditubuhkan di bawah Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Tahun 1962 [*Enakmen No. 9 Tahun 1962*];

"Mufti" ertinya Mufti yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan di bawah seksyen 5;

"*nas*" ertinya dalil atau hujah yang dikemukakan bagi menyokong sesuatu hukum yang diputuskan;

"Negeri" ertinya Negeri Kedah Darul Aman;

"Pegawai Penyelidik" ertinya Pegawai Penyelidik dan Penolong Pegawai Penyelidik Jabatan Mufti Negeri Kedah Darul Aman;

"Pengerusi" ertinya Pengerusi Jawatankuasa Fatwa;

"*qaul muktamad*" ertinya pegangan yang kukuh atau yang kuat dalam satu-satu mazhab;

"saraan" ertinya gaji pokok, elaun-elaun, imbuhan, honorarium, pengangkutan percuma atau bersubsidi dan keistimewaan lain yang dapat dinilai dengan wang;

"Setiausaha" ertinya Setiausaha Jawatankuasa Fatwa yang dilantik di bawah seksyen 13;

"Timbalan Mufti" ertinya Timbalan Mufti yang dilantik di bawah seksyen 5.

(2) Semua perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Enakmen ini dan tidak ditakrifkan dalam Enakmen ini tetapi ditakrifkan dalam Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [*Akta 388*] hendaklah mempunyai masing-masing erti yang diberikan kepadanya dalam Akta itu setakat yang erti itu tidak bercanggah dengan Hukum Syarak.

(3) Bagi mengelakkan keraguan tentang identiti atau pentafsiran perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Enakmen ini yang disenaraikan dalam Jadual Pertama, rujukan bolehlah dibuat kepada tulisan Arab bagi perkataan dan ungkapan itu yang ditunjukkan bersetentangan dengannya dalam Jadual itu.

**Memelihara hak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan**

**3.** Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata dalam Enakmen ini, tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Enakmen ini boleh mengurangkan atau menyentuh hak-hak dan kuasa-kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai Ketua Agama Islam di dalam Negeri Kedah Darul Aman sebagaimana yang ditetapkan dan dinyatakan dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman [*P.U. 32/59*].

## BAHAGIAN II

## MUFTI

**Mufti**

**4.** Mufti yang dilantik di bawah seksyen 5 Enakmen ini hendaklah menjadi pentadbir Jabatan Mufti Negeri Kedah Darul Aman.

**Perlantikan Mufti dan Timbalan Mufti**

**5.** (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan atas nasihat Majlis berkuasa melantik mana-mana orang yang layak dan sesuai menjadi Mufti dan Timbalan Mufti bagi Negeri Kedah Darul Aman.

(2) Perlantikan Mufti dan Timbalan Mufti hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(3) Apabila Enakmen ini mula berkuat kuasa, mana-mana orang yang sebaik sahaja sebelum permulaan kuat kuasa adalah Mufti dan Timbalan Mufti bagi Negeri Kedah Darul Aman yang dilantik di bawah Enakmen terdahulu hendaklah disifatkan telah dilantik di bawah seksyen ini sebagai Mufti dan Timbalan Mufti bagi Negeri Kedah Darul Aman dan hendaklah terus memegang jawatan itu.

**Penamatan dan pembatalan Mufti dan Timbalan Mufti**

**6.** (1) Perlantikan seseorang Mufti dan Timbalan Mufti bolehlah ditamatkan atau dibatalkan pada bila-bila masa oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan.

(2) Perlantikan Mufti dan Timbalan Mufti hendaklah tamat—

*(a)* apabila dia meninggal dunia; atau

*(b)* jika dia, dengan surat yang dialamatkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan, melalui Mufti jika dia Timbalan Mufti, meletakkan jawatannya.

(3) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan, boleh membatalkan pelantikan Mufti atau Timbalan Mufti jika—

*(a)* kelakuannya, sama ada yang berkaitan dengan tugas-tugasnya atau selainnya, adalah kelakuan yang memburukkan nama jawatannya;

*(b)* dia telah menjadi tidak berupaya untuk menjalankan tugas-tugasnya dengan sempurna;

(*c*) dia telah bertindak bertentangan dengan kepentingan Negeri; atau

(*d*) dia diisytiharkan muflis.

**Fungsi Mufti**

**7.** (1) Mufti hendaklah membantu dan menasihati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan dengan semua perkara Hukum Syarak dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di Negeri Kedah Darul Aman selepas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini.

(2) Mufti hendaklah bertanggungjawab terus kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Baginda bolehlah, dari masa ke semasa memberi perintah sama ada secara am atau khas yang Baginda fikirkan perlu atau bermanfaat, iaitu perintah yang tidak berlawanan dengan peruntukan Enakmen ini, dan adalah menjadi kewajipan Mufti mematuhi dan melaksanakan perintah itu.

**Kuasa Mufti**

**8.** (1) Mufti hendaklah berkuasa mengeluarkan apa-apa fatwa.

(2) Walau apapun peruntukan Enakmen ini Mufti boleh, sekiranya difikirkan perlu, berbincang dengan Jawatankuasa Fatwa sebelum mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen ini.

**Permohonan izin jika Mufti berada di luar Malaysia**

**9.** Jika Mufti menjangka dia akan berada di luar Malaysia selama lebih daripada 14 hari atau hendak bercuti dia hendaklah memohon perkenan daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh memberikan apa-apa arahan sebagaimana yang difikirkannya patut.

BAHAGIAN III

JAWATANKUASA FATWA

**Jawatankuasa Fatwa**

**10.** Maka hendaklah ditubuhkan suatu jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Fatwa yang bertanggungjawab memberi nasihat kepada Mufti di atas apa-apa persoalan yang belum muktamad berhubung Hukum Syarak.

**Keahlian Jawatankuasa Fatwa**

**11.** (1) Jawatankuasa Fatwa hendaklah terdiri daripada ahli yang berikut—

*(a)* Mufti sebagai Pengerusi,

*(b)* Timbalan Mufti sebagai ahli, dan

*(c)* Tiga orang anggota Majlis, dan tidak kurang daripada dua dan tidak lebih daripada enam orang lain, yang layak dan sesuai dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan atas nasihat Mufti.

(2) Perlantikan ahli Jawatankuasa Fatwa di bawah perenggan 11(1)*(c)* hendaklah disiarkan dalam *Warta.*

**Notis jika Ahli Jawatankuasa Fatwa berada di luar Malaysia**

**12.** Jika mana-mana ahli Jawatankuasa Fatwa menjangka dia akan berada di luar Malaysia selama lebih daripada 14 hari, dia hendaklah memberi notis bertulis kepada Mufti.

**Setiausaha**

**13.** (1) Mufti boleh melantik seorang pegawai dari Jabatan sebagai Setiausaha.

(2) Tertakluk kepada apa-apa arahan yang diberikan oleh Pengerusi kepadanya, Setiausaha hendaklah bertanggungjawab ke atas semua

surat menyurat dan dokumen Jawatankuasa Fatwa, dan hendaklah dalam apa-apa hal lain menjalankan tugas yang dikenakan ke atasnya oleh Enakmen ini atau yang diberikan kepadanya oleh Pengerusi.

(3) Setiausaha berhak untuk menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa Fatwa dan mengambil bahagian tetapi tidak berhak mengundi.

**Tatacara perjalanan mesyuarat Jawatankuasa Fatwa**

**14.** (1) Mufti hendaklah menjadi Pengerusi di dalam semua mesyuarat Jawatankuasa Fatwa.

(2) Jika Mufti tidak hadir dengan sebab kesihatan atau sebab-sebab lain maka Timbalan Mufti bolehlah mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Fatwa.

(3) Semua mesyuarat Jawatankuasa Fatwa hendaklah dipanggil oleh Setiausaha.

(4) Pengerusi boleh pada bila-bila masa mengarahkan Setiausaha memanggil mesyuarat.

(5) Jawatankuasa boleh, tertakluk kepada Enakmen ini, memutuskan segala persoalan berhubung dengan tatacara dan amalannya.

**Minit**

**15.** (1) Setiausaha hendaklah menyimpan semua minit mesyuarat Jawatankuasa Fatwa.

(2) Pada tiap-tiap mesyuarat, minit mesyuarat yang lalu hendaklah dibaca dan disahkan, tertakluk kepada apa-apa pindaan jika perlu.

(3) Minit hendaklah dicatatkan dan hendaklah mengandungi rekod penuh bagi tiap-tiap ketetapan yang dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa.

(4) Tiada keputusan yang dibuat dalam mana-mana mesyuarat Jawatankuasa Fatwa boleh diambil tindakan sehingga minit mesyuarat itu disahkan.

**Tempoh Perlantikan dan lantikan semula**

**16.** (1) Tempoh perlantikan ahli Jawatankuasa Fatwa yang dilantik di bawah perenggan 11(1)*(c)* adalah selama dua tahun. Tempoh bagi perlantikan mana-mana ahli Jawatankuasa Fatwa yang baru bagi tujuan mengisi kekosongan hendaklah tamat pada tempoh masa yang sama dengan ahli Jawatankuasa Fatwa yang lain.

(2) Mana-mana ahli yang tempoh lantikannya telah tamat boleh dilantik semula oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan atas nasihat Mufti.

(3) Mana-mana orang yang menjadi Mufti, Timbalan Mufti dan ahli Jawatankuasa Fatwa sebaik sahaja sebelum berkuat kuasa Enakmen ini hendaklah disifatkan sebagai telah dinamakan atau dilantik menjadi Mufti, Timbalan Mufti dan ahli Jawatankuasa Fatwa tersebut dan hendaklah bagi maksud Enakmen ini, Mufti, Timbalan Mufti dan ahli Jawatankuasa Fatwa menjadi ahli Jawatankuasa itu sehingga tempoh perlantikannya tamat.

**Saraan**

**17.** Mufti boleh, dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan menetapkan apa-apa saraan bagi ahli Jawatankuasa Fatwa.

**Penamatan, pemberhentian atau pembatalan**

**18.** (1) Keahlian seseorang ahli Jawatankuasa Fatwa yang dilantik di bawah perenggan 11(1)*(c)* bolehlah ditamatkan atau dibatalkan pada bila-bila masa oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan atas syor Mufti atas sebab-sebab tertentu yang melayakkannya diberhentikan keahliannya.

(2) Mana-mana Ahli Jawatankuasa Fatwa yang dilantik di bawah perenggan 11(1)*(c)* bolehlah, dengan surat yang dialamatkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan, memohon perkenan melalui Mufti, untuk melepaskan keahliannya.

(3) Keahlian mana-mana ahli Jawatankuasa Fatwa yang tidak hadir ke mesyuarat sebanyak tiga kali berturut-turut tanpa alasan yang munasabah bolehlah ditamatkan.

(4) Penamatan, pemberhentian atau pembatalan keahlian mana-mana Ahli Jawatankuasa Fatwa hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

**Kuasa Jawatankuasa Fatwa untuk mengeluarkan Fatwa**

**19.** (1) Tertakluk kepada seksyen 21 Jawatankuasa Fatwa hendaklah—

*(a)* atas titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan, atau

*(b)* atas kehendaknya sendiri, atau

*(c)* atas permintaan oleh mana-mana orang melalui surat atau apa-apa cara yang dialamatkan kepada Mufti dan tertakluk kepada subseksyen (2),

mengeluarkan suatu fatwa atas apa-apa persoalan yang belum muktamad atau atas apa-apa isu yang berhubung dengan Hukum Syarak.

(2) Jawatankuasa Fatwa hendaklah menimbangkan permintaan oleh mana-mana orang kecuali pada fikirannya masalah yang dibentangkan itu hanya karut atau dengan apa-apa sebab lain yang munasabah yang tidak patut diberi jawapan.

**Korum**

**20.** (1) Pengerusi dan lima orang ahli Jawatankuasa Fatwa yang lain hendaklah membentuk korum.

(2) Tiada urusan, kecuali mengenai penangguhan, boleh dilakukan dalam sesuatu mesyuarat, dan tiada ketetapan atau tindakan Jawatankuasa Fatwa yang dibuat atau dilaksanakan dalam sesuatu mesyuarat adalah sah melainkan, jika sekurang-kurangnya satu pertiga daripada anggota, termasuk orang yang mempengerusikan mesyuarat, hadir dalam mesyuarat itu.

(3) Tertakluk kepada kehendak Enakmen ini, Jawatankuasa Fatwa itu boleh membuat peraturannya sendiri dan membuat apa-apa tatacara di bawahnya.

(4) Ahli Jawatankuasa Fatwa hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

**Tatacara mengeluarkan Fatwa**

**21.** (1) Sebelum mengeluarkan sesuatu fatwa, Mufti boleh menyebabkan satu kajian atau penyelidikan dijalankan oleh Pegawai Penyelidik sebagaimana yang diarahkan olehnya dan satu kertas kerja disediakan.

(2) Mufti boleh memanggil suatu mesyuarat Jawatankuasa Fatwa bagi maksud membincangkan fatwa yang dicadangkan itu.

(3) Apa-apa fatwa yang diputuskan oleh Mufti atau Jawatankuasa Fatwa yang melibatkan kepentingan awam hendaklah disiarkan dalam *Warta.*

(4) Mufti hendaklah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan sebelum apa-apa fatwa disiarkan dalam *Warta*.

(5) Sesuatu fatwa yang disiarkan hendaklah dalam bahasa kebangsaan, dalam tulisan Rumi, dan boleh mengandungi teks fatwa itu dalam tulisan Jawi.

(6) Apa-apa pernyataan yang diputuskan oleh Mufti atau Jawatankuasa Fatwa di bawah Enakmen ini adalah fatwa.

**Fatwa adalah mengikat**

**22.** (1) Apa-apa fatwa yang disiarkan dalam *Warta* hendaklah mengikat tiap-tiap orang Islam yang berada di Negeri Kedah Darul Aman sebagai ajaran agamanya dan hendaklah menjadi kewajipan di sisi Agama Islam untuk mematuhi dan berpegang dengan fatwa itu, melainkan jika dia dibenarkan oleh Hukum Syarak untuk tidak mengikut fatwa itu dalam perkara-perkara amalan, kepercayaan atau pendapat.

(2) Sesuatu fatwa bolehlah diterima oleh semua Mahkamah Syariah di dalam Negeri Kedah Darul Aman sebagai autoriti tentang semua perkara yang dinyatakan dalamnya.

**Pindaan atau pembatalan Fatwa**

**23.** (1) Jawatankuasa Fatwa boleh meminda atau membatalkan mana-mana fatwa yang telah disiarkan dalam *Warta* di bawah Enakmen ini, atau di bawah mana-mana Enakmen terdahulu.

(2) Peruntukan seksyen 21 adalah terpakai bagi sesuatu pindaan atau pembatalan mana-mana fatwa.

(3) Sesuatu pindaan atau pembatalan sesuatu fatwa yang disiarkan dalam *Warta* hendaklah disertakan dengan pernyataan bahawa fatwa itu dibuat di bawah seksyen 23.

**Fatwa yang ada hubungan dengan kepentingan nasional**

**24.** (1) Walau apapun kuasa Jawatankuasa Fatwa di bawah seksyen 19, apabila Jawatankuasa Fatwa mendapati bahawa suatu fatwa yang dicadangkan dibuat adalah berkaitan dengan perkara-perkara yang menyentuh kepentingan nasional, Jawatankuasa Fatwa hendaklah menangguhkan perbincangannya tentang fatwa yang dicadangkan itu dan Mufti hendaklah menyembah maklum perkara itu kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan.

(2) Walau apapun peruntukan subseksyen (1), suatu fatwa adalah dianggap berkaitan dengan perkara-perkara yang menyentuh kepentingan nasional jika persoalan itu ada hubungan dengan apa-apa perkara, dasar, program atau aktiviti yang secara langsung menyentuh kepentingan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau mana-mana jabatan atau agensinya.

(3) Jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan memberikan perkenannya di bawah subseksyen (1), Mufti hendaklah, sebelum fatwa itu dirujukkan kepada Jawatankuasa Fatwa, memaklumkan kepada Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman tentang rujukan itu.

(4) Sesuatu fatwa yang disiarkan dalam W*arta* hendaklah disertakan dengan pernyataan bahawa fatwa itu dibuat di bawah seksyen ini.

**Meminta pendapat daripada Jawatankuasa Fatwa**

**25.** (1) Jika dalam mana-mana Mahkamah Sivil, apa-apa persoalan Hukum Syarak perlu diputuskan, Mahkamah itu boleh meminta pendapat Jawatankuasa Fatwa tentang persoalan itu, dan Mufti boleh memperakukan pendapat Jawatankuasa Fatwa itu kepada Mahkamah yang membuat permintaan pendapat itu.

(2) Walau apapun undang-undang bertulis yang berlawanan, Mufti tidaklah boleh disaman untuk memberi pendapat atau keterangan mengenai Hukum Syarak di dalam mana-mana Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah.

***Qaul muktamad* hendaklah diikuti**

**26.** (1) Dalam mempertimbangkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 21 atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah seksyen 25 Jawatankuasa Fatwa hendaklah, pada lazimnya mengikut *qaul muktamad* Mazhab Syafie berlandaskan Al-Quran, Hadis, *Ijma' Ulamak* dan *Qiyas.*

(2) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut *qaul muktamad* Mazhab Syafie suatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan terhasil, Jawatankuasa Fatwa bolehlah mengikut *qaul muktamad* Mazhab Hanafi, Maliki atau Hambali setelah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan.

(3) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa tiada satu pun *qaul muktamad* daripada empat mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, maka fatwa itu bolehlah diputuskan mengikut hematnya sendiri tanpa terikat dengan *qaul muktamad* daripada mana-mana mazhab yang empat itu.

## BAHAGIAN IV

AM

**Kuasa membuat kaedah**

**27.** Mufti boleh dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan membuat apa-apa peraturan yang suai manfaat atau perlu bagi melaksanakan maksud Enakmen ini.

**Kuasa melantik Jawatankuasa Kecil**

**28.** Mufti boleh melantik beberapa jawatankuasa kecil bagi membantunya dalam menjalankan tugas-tugas Jabatan dengan lebih berkesan.

**Kecualian dan peralihan**

**29.** Semua tindakan, kaedah, fatwa, perisytiharan, perintah, pemberitahuan, surat kebenaran, pengesahan arah *qiblat* dan apa-apa perlantikan yang dikeluarkan atau dibuat di bawah atau menurut kuasa mana-mana Enakmen hendaklah pada permulaan kuat kuasa Enakmen ini terus berkuat kuasa setakat yang tidak bertentangan dengan Enakmen ini, sehingga ia dibatalkan atau digantikan oleh kaedah, fatwa, perisytiharan, perintah, pemberitahuan, surat kebenaran, pengesahan arah *qiblat* dan apa-apa perlantikan yang dikeluarkan atau dibuat di bawah Enakmen ini.

JADUAL

(Subseksyen 2(3))

BENTUK SKRIP BAHASA ARAB BAGI
PERKATAAN DAN UNGKAPAN TERTENTU

| | | |
|---|---|---|
| *Al-Quran* | — | القرأن |
| *Fatwa* | — | فتوى |
| *Hukum Syarak* | — | حكوم شرع |
| *Hadis* | — | حديث |
| *Ijma' Ulamak* | — | إجماع علماء |
| *Ijtihad* | — | إجتهاد |
| *Mazhab* | — | مذهب |
| *Mahkamah Syariah* | — | محكمة شرعية |

| | | |
|---|---|---|
| *Nas* | — | نص |
| *Qaul muktamad* | — | قول معتمد |
| *Qiyas* | — | قياس |

Diluluskan di dalam Dewan Undangan Negeri pada 18 November 2007 bersamaan dengan 8 Zulkaedah 1428.

ABD. RASHID BIN HAJI OTHMAN
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri*
*Kedah Darul Aman*

[PSU(K) 3784/1389]

# *MUFTI* AND *FATWA* (KEDAH DARUL AMAN) ENACTMENT 2008

## ARRANGEMENT OF SECTIONS


PART I

PRELIMINARY

Section

1. Short title and commencement
2. Interpretation
3. Saving of prerogative

PART II

*MUFTI*

4. *Mufti*
5. Appointment of *Mufti* and Deputy *Mufti*
6. Termination and revocation of appointments of *Mufti* and Deputy *Mufti*
7. Function of *Mufti*
8. Authority of *Mufti*
9. Application for consent if *Mufti* is outside Malaysia

PART III

THE *FATWA* COMMITTEE

10. *Fatwa* Committee
11. Membership of *Fatwa* Committee
12. Notice if *Fatwa* Committee Members are on leave outside Malaysia
13. Secretary
14. Procedure *Fatwa* Committee's Meeting
15. Minutes
16. Period of appointment and reappointment

Section

17. Remuneration

18. Termination, resignation of revocation

19. Authority of *Fatwa* Committee to issue *Fatwa*

20. Quorum

21. Procedure to issue *Fatwa*

22. *Fatwa* shall be binding

23. Amendment or revocation of *Fatwa*

24. *Fatwa* related to national interest

25. Request for opinion from the *Fatwa* Committee

26. *Qaul muktamad* to be followed

PART IV

GENERAL

27. Power to make regulations

28. Power to appoint subcommittee

29. Exemption and transitional

SCHEDULE

**KEDAH DARUL AMAN**

## ENACTMENT No. 6 of 2008

I ASSENT,

(STATE SEAL)

TUANKU ABDUL
HALIM AL-HAJ
*Sultan of Kedah Darul Aman*

20 February 2008
13 Safar 1429

An Enactment to make provisions concerning the *Mufti* and the State of Kedah Darul Aman's *Fatwa* Committee, to provide for its functions and powers and for matters connected therewith.

[ ]

**IT IS HEREBY ENACTED** by the Legislature of the State of Kedah Darul Aman as follows:

PART I

PRELIMINARY

**Short title and commencement**

**1.** (1) This Enactment may be cited as the *Mufti* and *Fatwa* (Kedah Darul Aman) Enactment 2008.

(2) This Enactment shall come into force on a date to be appointed by His Royal Highness the Sultan by notification in the *Gazette*.

**Interpretation**

**2.** (1) In this Enactment, unless the context otherwise requires—

"*Fatwa* Committee Member" means the member appointed by the Royal Highness Sultan under section 11;

"previous Enactment" means the Administration of Muslim Law Enactment Kedah 1962 [*Enactment No. 9 of 1962*];

"*fatwa*" means the *fatwa* issued under section 8 or 19;

"*Hukum Syarak*" means *Hukum Syarak* according to *Mazhab Syafie* or any one of the *Mazhab Hanafi, Maliki* or *Hambali;*

"Department" means the Department of *Mufti* of the State of Kedah Darul Aman;

"*Fatwa* Committee" means *Fatwa* Committee established under section 10;

"*Majlis*" means the *Majlis Agama Islam Negeri Kedah* established under the Administration of Muslim Law 1962 [*Enactment No. 9 of 1962*];

"*Mufti*" means the officer appointed by His Royal Highness the Sultan under section 5;

"*nas*" means evidence or argument being brought to support any decided *hukum*;

"State" means the State of Kedah Darul Aman;

"Research Officer" means the Research Officer and the Assistant Research Officer of the Department of *Mufti* of the State of Kedah Darul Aman;

"Chairman" means the Chairman of *Fatwa* Committee;

"*qaul muktamad*" means firm or strong belief based on any one *Mazhab*;

"remuneration" means basic salary, allowance, incentive, honorarium, free or subsidized transportation and other privileges that can be valued with money;

"Secretary" means secretary to the *Fatwa* Committee appointed under section 13;

"Deputy *Mufti*" means the Deputy *Mufti* appointed under section 5.

(2) All words and expressions used in this Enactment and not herein defined in this Enactment but defined in Interpretation Act 1948 and 1967 [*Act 388*] shall have the meaning thereby assigned to them respectively to the extend that such meanings do not conflict with *Hukum Syarak*.

(3) For the avoidance of doubt as to the identity or interpretation of the words and expression used in this Enactment that are listed in the First Schedule, reference may be made to the Arabic script for those words and expressions as shown against them therein.

**Saving of prerogative His Royal Highness the Sultan**

**3.** Save as expressly provided in this Enactment, nothing contained therein shall derogate from or affect the rights and powers of His Royal Highness the Sultan as the Head of the religion of Islam in the State of Kedah Darul Aman, as declared and set forth in the Law of Constitution of the State of Kedah Darul Aman [*P.U. 32/59*].

## PART II

### *MUFTI*

***Mufti***

**4.** The *Mufti* appointed under section 5 of this Enactment shall act as the administrator of the Department of *Mufti* of the State of Kedah Darul Aman.

**Appointment of *Mufti* and Deputy *Mufti***

**5.** (1) His Royal Highness the Sultan on advice of the *Majlis* shall appoint any fit and proper person to be the *Mufti* and Deputy *Mufti* for the State of Kedah Darul Aman.

(2) The appointment of *Mufti* and Deputy *Mufti* shall be published in the *Gazette.*

(3) Upon the commencement of this Enactment, any person who, immediately before the commencement, was the *Mufti* and Deputy *Mufti* for the State of Kedah Darul Aman appointed under the previous Enactment shall be deemed to have been duly appointed under this section to be the *Mufti* and Deputy *Mufti* for the State of Kedah Darul Aman and shall hold the office as such.

**Termination and revocation of the appointments of *Mufti* and Deputy *Mufti***

**6.** (1) The appointment of a *Mufti* and Deputy *Mufti* may be terminated or revoked at any time by His Royal Highness the Sultan.

(2) The appointment of *Mufti* and Deputy *Mufti* shall terminate—

*(a)* on his death; or

*(b)* if he, by letter addressed to His Royal Highness the Sultan through the *Mufti* if he is Deputy *Mufti*, resigns his appointment.

(3) His Royal Highness the Sultan may revoke the appointment of *Mufti* or Deputy *Mufti* if—

*(a)* his conduct, whether in connection with his duties or otherwise, has been such as to bring discredit on his appointment; or

*(b)* he has become incapable of properly carrying his duties; or

*(c)* he has conducted against the State's interest; or

*(d)* he has been declared bankrupt.

**Function of *Mufti***

**7.** (1) The *Mufti* shall aid and advice His Royal Highness the Sultan in respect of all matters of *Hukum Syarak* and in all such matters shall be the chief authority in the State of Kedah Darul Aman after His Royal Highness the Sultan, except where otherwise provided in this Enactment.

(2) The *Mufti* shall be responsible directly to His Royal Highness the Sultan and he may, from time to time give order whether generally or specifically which he thinks important or beneficial, which is not inconsistent with the provision of this Enactment, and it is a duty of *Mufti* to obey and implement the order.

**Authority of *Mufti***

**8.** (1) The *Mufti* shall have authority to issue any *fatwa*.

(2) Notwithstanding the provisions of this Enactment the *Mufti* may, if he considers it necessary, discuss with the *Fatwa* Committee before issuing any *fatwa* under this section.

**Application for consent if *Mufti* is on leave outside Malaysia**

**9.** The *Mufti*, if he expects to be absent from Malaysia for more than fourteen days or to take leave, shall apply for consent from His Royal Highness the Sultan who may give such direction as he thinks fit.

## PART III

## *FATWA* COMMITTEE

***Fatwa* Committee**

**10.** There shall be a committee to be known as the *Fatwa* Committee which shall be responsible to advise the *Mufti* on any matter relating to *Hukum Syarak* that has not been determined.

**Membership of *Fatwa* Committee**

**11.** (1) The *Fatwa* Committee shall consist of the following members—

*(a)* the *Mufti*, as Chairman,

*(b)* the Deputy *Mufti* as member, and

*(c)* three members of the *Majlis*, not less than two and not exceed than six of fit and proper persons to be appointed by His Royal Highness the Sultan on the advice of the *Mufti*.

(2) The appointment of the *Fatwa* Committee members under paragraph 11(1)*(c)* shall be published in the *Gazette*.

**Notice if *Fatwa* Committee Members are on leave outside Malaysia**

**12.** Any member of the *Fatwa* Committee, if he expects to be absent form Malaysia for more than fourteen days, shall give notice in writing to the *Mufti*.

**Secretary**

**13.** (1) The *Mufti* may appoint an officer from the Department to be Secretary.

(2) Subject to such directions as may be given to him by the Chairman, the Secretary shall have charge of all correspondence and documents of the *Fatwa* Committee and shall in all other respects carry out such duties as may be imposed upon him by this Enactment or assigned to him by the Chairman.

(3) The Secretary shall be entitled to attend all meetings of *Fatwa* Committee and to participate in its deliberations, but shall not be entitled to vote.

**Procedure of *Fatwa* Committee's meeting**

**14.** (1) The *Mufti* shall be the Chairman in all meetings of the *Fatwa* Committee.

(2) If the *Mufti* is absent due to ill health or other reasons, the Deputy *Mufti* may chair the meeting of the *Fatwa* Committee.

(3) All meetings of the *Fatwa* Committee shall be summoned by the Secretary.

(4) The Chairman may at any time direct the Secretary to summon a meeting.

(5) The Committee may, subject to this Enactment, decide on all matters related to its procedure and practice.

**Minutes**

**15.** (1) The Secretary shall keep minutes of all meetings of the *Fatwa* Committee.

(2) At every meeting, the minutes of the previous meeting shall be read and confirmed, subject to any amendment which may be required.

(3) Such minutes shall be entered in the minute book and shall include a full verbatim record of every resolution of the *Fatwa* Committee.

(4) Provided that no decision referred to in any of the *Fatwa* Committee's Meeting shall be acted upon until the minute of the meeting is certified.

**Period of appointment and reappointment**

**16.** (1) The period of appointment of members of the *Fatwa* Committee who is appointed under paragraph 11(1)*(c)* shall be for two years. The period of appointment of any new *Fatwa* Committee member for the purpose of filling any vacancy shall expire at the same period with the other *Fatwa* Committee members.

(2) A member whose term of office has expired may be reappointed by His Royal Highness the Sultan on the advice of the *Mufti*.

(3) The persons who were appointed as *Mufti*, Deputy *Mufti* and members of the *Fatwa* Committee, immediately before the coming into force of this Enactment shall be deemed to have been nominated or appointed to be *Mufti*, Deputy *Mufti* and members of the *Fatwa* Committee and shall be by the virtue of this Enactment, *Mufti*, Deputy *Mufti* and members of *Fatwa* Committee continue to be members of the committee until the expiry of their current period of appointment.

**Remuneration**

**17.** The *Mufti* may, with the consent of His Royal Highness the Sultan, determine any remuneration for *Fatwa* Committee members.

**Termination, resignation or revocation**

**18.** (1) The membership of a *Fatwa* Committee member who appointed under paragraph 11(1)*(c)* may be terminated or revoked at any time by His Royal Highness the Sultan on the advice of *Mufti*, for certain reasons qualifying him to be terminated.

(2) Any *Fatwa* Committee member who is appointed under paragraph 11(1)*(c)* may, by letter addressed to His Royal Highness the Sultan, request from *Mufti* to resign from being a *Fatwa* Committee member.

(3) The membership of any *Fatwa* Committee member who is absent from the meeting for three consecutive times without reasonable excuse may be terminated.

(4) Termination, resignation or revocation of membership of any *Fatwa* Committee Member shall be published in the *Gazette*.

**Authority of *Fatwa* Committee to issue *Fatwa***

**19.** (1) Subject to section 21 the *Fatwa* Committee shall—

*(a)* on the command of His Royal Highness the Sultan, or

*(b)* on his own initiative, or

*(c)* on the request of any person made by letter or by any other means addressed to the *Mufti* and subject to subsection (2),

issue a *fatwa* on any matter that has not been or on any issues relating to *Hukum Syarak*.

(2) The *Fatwa* Committee shall consider every such request and shall unless in its opinion the question referred is frivolous or for other good reason ought not to be answered.

**Quorum**

**20.** (1) The Chairman and five other members of the *Fatwa* Committee shall constitute a quorum.

(2) No business, save that of adjournment, shall be transacted at a meeting, and no resolution or action of the *Fatwa* Committee made or performed at a meeting shall be valid, unless at least one-third of the members, including the person presiding over the meeting, are present at the meeting.

(3) Subject to this Enactment, the *Fatwa* Committee may make its own rules and make any procedures therein.

(4) The *Fatwa* Committee members shall be deemed as civil servants according to Penal Code [*Act 574*].

**Procedure to issue *Fatwa***

**21.** (1) Before issuing a *fatwa*, the *Mufti* may cause such study or research to be conducted by the Research Officer as he may direct and a working paper prepared.

(2) The *Mufti* may call a meeting of *Fatwa* Committee for the purpose of discussing the proposed *fatwa*.

(3) Any *fatwa* decided by the *Mufti* or the *Fatwa* Committee affecting public interest shall be published in the *Gazette*.

(4) The *Mufti* shall obtain the consent of His Royal Highness the Sultan before any *fatwa* is published in the *Gazette*.

(5) A *fatwa* shall be published in the national language, in the Rumi script, but a text of the *fatwa* in the Jawi script may also be published.

(6) Any statement decided by the *Mufti* or the *Fatwa* Committee under this Enactment shall also be deemed as *fatwa*.

***Fatwa* shall be binding**

**22.** (1) Upon publication in the *Gazette*, a *fatwa* shall be binding on every Muslim in the State of Kedah Darul Aman as a dictate of his religion and it shall be his religious duty to abide by and uphold the *fatwa*, unless he is permitted by the *Hukum Syarak* to depart from the *fatwa* in matters of personal observance, belief or opinion.

(2) A *fatwa* may be recognized by all Syariah Courts in the State of Kedah Darul Aman as authoritative of all matters laid therein.

**Amendment or revocation of *Fatwa***

**23.** (1) The *Fatwa* Committee may amend or revoke any *fatwa* that has been published in the *Gazette*, under this Enactment, or any previous Enactment.

(2) The provisions of section 21 shall apply to any amendment or revocation of a *fatwa*.

(3) An amendment or a revocation of a *fatwa* published in the *Gazette* shall cite that it is made pursuant to section 23.

***Fatwa* related to national interest**

**24.** (1) Notwithstanding any power of the *Fatwa* Committee under Section 19, whenever the *Fatwa* Committee stated that a proposed *fatwa* to be made related to matters affecting the national interest, the *Fatwa* Committee shall postpone its discussion about the proposed *fatwa*, and the *Mufti* shall inform the matter to His Royal Highness the Sultan.

(2) Notwithstanding any provision of subsection (1), a *fatwa* is considered related to the matters affecting with national interest if the issue has relationship with any matter, policy, program and activity which directly affect the interest of Federal Government, State Government, or any of its departments or agencies.

(3) If His Royal Highness the Sultan gives his consent under subsection (1), the *Mufti* shall, before the *fatwa* being referred to the *Fatwa* Committee, inform the State Government of Kedah Darul Aman about the reference.

(4) A *fatwa* published in the *Gazette* shall cite that the *fatwa* is made under this section.

**Request for opinion from the *Fatwa* Committee**

**25.** (1) If in any Civil Court, any question on *Hukum Syarak* shall be decided, the Court may request for an opinion from the *Fatwa* Committee on the question, and the *Mufti* may certify the opinion of the *Fatwa* Committee to the Court requesting the opinion.

(2) Notwithstanding any written law to the contrary, the *Mufti* shall not be liable to be summoned to give opinion or evidence relating to *Hukum Syarak* in any Civil Court and Syariah Court.

***Qaul muktamad* to be followed**

**26.** (1) In issuing any *fatwa* under section 21 or certifying any opinion under section 25, the *Fatwa* Committee shall, ordinarily follow the accepted views (*qaul muktamad*) of the *Mazhab* Syafie based on the *Al-Quran, Hadis, Ijma' Ulamak* and Q*iyas*.

(2) If the *Fatwa* Committee considers that following the *qaul muktamad* of the *Mazhab Shafie* will lead to a situation which is repugnant to public interest, the *Fatwa* Committee may follow the *qaul muktamad* of the *Mazhab Hanafi, Maliki*, or *Hambali* after getting consent from His Royal Highness of the Sultan.

(3) If the *Fatwa* Committee considers that none of the *qaul muktamad* of the four *mazhab*s may be followed without leading to a situation

which is repugnant to public interest, the *fatwa* may be decided according to his own judgment without being bound by the *qaul muktamad* of any of the four *mazhab*s.

PART IV

GENERAL

**Power to make regulations**

**27.** The *Mufti* shall, with the consent of His Royal Highness the Sultan make such regulations as may be expedient or necessary for carrying out the purposes of this Enactment.

**Power to appoint subcommittee**

**28.** The *Mufti* may appoint subcommittee to assist him in carrying out the duties of the Department efficiently.

**Exemption and transitional**

**29.** All *fatwa*, declaration, order, notification, *Tauliah* Certificate, confirmation of the direction of the *qiblat* and any appointment issued or made under any Enactment shall on the commencement of this Enactment continue to be in force so long as it is not contrary with this Enactment until it is annulled or replaced by the procedure of declaration, order, notification or appointment issued or made under this Enactment.

SCHEDULE

(Subsection 2(3))

ARABIC SCRIPT FOR
CERTAIN WORDS AND EXPRESSION

| | | |
|---|---|---|
| *Al-Quran* | — | القرأن |
| *Fatwa* | — | فتوى |
| *Hukum Syarak* | — | حكوم شرع |
| *Hadis* | — | حديث |

| | | |
|---|---|---|
| *Ijma' Ulamak* | — | إجماع علماء |
| *Ijtihad* | — | إجتهاد |
| *Mazhab* | — | مذهب |
| *Mahkamah Syariah* | — | محكمة شرعية |
| *Nas* | — | نص |
| *Qaul muktamad* | — | قول معتمد |
| *Qiyas* | — | قياس |

Passed in the State Legislative Assembly this 18 November 2007 corresponding to 8 Zulkaedah 1428.

ABD. RASHID BIN HAJI OTHMAN
*Clerk of the State Legislative Assembly*
*Kedah Darul Aman*

[PSU(K) 3784-1389]